**KOMPAS**
Edisi 2/2021

# Bank Negara: Sejarah & Evolusi Pengawalan Order Ekonomi Dunia

Oleh: Unit Analisis IRIS Institute



Diterbitkan Oleh:
**Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute Berhad**

**Copyright © 2021, by Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute Berhad**

Ketua Editor:
**Fahmi Bahrudin**

Reka bentuk kulit & Susun Atur:
**Wafiq Azman**

No. 6-23-3A Jalan Medan Pusat Bandar 8A,
Bangi Sentral, 43650 Bandar Baru Bangi,
Taman Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
TEL: 018-2084917 EMAIL: admin@iris.institute

*Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam dokumen ini tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan bentuk dengan apa jua cara sekalipun sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada* **Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute Berhad.**

www.iris.institute

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Abstrak | 1 |
| Pendahuluan | 2 |
| Idea Penubuhan Bank Negara Sebagai Institusi Kawalan Kewangan Dunia Oleh Elit Global Yahudi | 6 |
| Usaha Lobi Penubuhan Model Bank Negara Malaysia Mengikut Blueprint Neo-colonialism Antarabangsa | 13 |
| Lobi Pihak Antarabangsa | 14 |
| Lobi swasta melalui proksi tempatan | 16 |
| Respon Kumpulan Nasionalis Terhadap Idea Bank Negara | 18 |
| Bank Negara Malaysia Bebas dari Kuasa Negara? | 19 |
| Bentuk Hubungan Dan Komitmen Bank Negara Dengan Kerajaan | 23 |
| Penutup | 25 |
| Rujukan | 26 |

# Bank Negara: Sejarah & Evolusi  Pengawalan Order Ekonomi Dunia


## Abstrak

Pembentukan bank pusat dengan model-model bank di Eropah telah menjadi satu keperluan kepada semua negara di dunia. Bank of England, sebagai antara institusi bank pusat tertua di dunia telah berperanan penting dalam melobi beberapa dasar utama yang menjadi asas kepada penubuhan bank-bank pusat di negara lain dan institusi kawalan kewangan antarabangsa. Sejarah institusi ini juga telah memperlihatkan pengaruh secara langsung kapitalis Yahudi seperti Rothschild. Institusi kawalan kewangan antarabangsa seperti *International Bank of Reconstruction and Development (IBRD)* atau *World Bank, International Monetary Fund (IMF)* dan *Bretton Woods Institutions (BWIs)* adalah hasil daripada persidangan Bretton Woods pasca perang dunia kedua. Sehingga ke hari ini, institusi-institusi inilah yang berkuasa mengawal polisi dan tindakan semua bank-bank pusat di dunia. Malaysia sebagai sebuah negara yang memiliki matawang dan aktiviti kewangan yang rancak tidak terkecuali memiliki bank pusat seperti di negara-negara lain, dikenali sebagai Bank Negara Malaysia (BNM). Penubuhan BNM pada tahun 1959 merupakan hasil daripada lobi pihak antarabangsa yang mahukan Tanah Melayu yang baru sahaja merdeka untuk memiliki bank pusat

dalam kerangka Orde baru dunia. Sejarah penubuhan BNM juga telah memperlihatkan persaingan lobi antara kelompok *Anglophile* dan Nasionalis yang menolak neo-kolonialisme. Hasilnya, pada tahun 1955, IBRD telah mengeluarkan laporan 'The Economic Development of Malaya' yang menjadi *blueprint* kepada penubuhan BNM. Komitmen dan keterikatan BNM dengan institusi kewangan antarabangsa seperti IBRD, World Bank, IMF dan BIS, daripada awal penubuhannya sehingga ke hari ini menjadi petunjuk akan kelompongan negara dalam menentukan dasar dan polisi institusi ini.

# Pendahuluan

Bank pusat seperti *Federal Reserve* di Amerika Syarikat memperlihatkan kuasa autonomi yang terlalu kuat dalam pentadbiran negara. Misalnya, ketika krisis kewangan dunia tahun 2008, *Federal Reserve* diberikan *unprecedented powers* (kuasa yang tidak pernah diberikan sebelumnya) untuk mencetak ratusan bilion dollar dengan kawalan yang paling minima daripada pentadbiran kerajaan Amerika Syarikat.[1]

Timbul persoalan, adakah Bank Negara Malaysia (BNM) turut mempunyai kuasa dan bentuk yang sama seperti bank pusat tersebut? Apakah sebenarnya bentuk operasi dan lingkup kuasa BNM sebagai institusi kawalan matawang utama negara? Timbul juga persoalan, siapakah sebenarnya pihak yang memiliki autoriti dan menentukan polisi-polisi kewangan di setiap bank pusat atau bank negara?

1 (Fukuyama 2020)

Perbincangan BNM sebagai institusi kewangan dan monetari negara juga dilihat secara 'top-down'. Institusi kewangan antarabangsa seperti *International Monetary Fund (IMF), Bank of International Settlement (BIS)* dan *World Bank* secara rasminya berfungsi sebagai pengawal selia dan pengatur cara kepada semua bank-bank pusat. Malah, dalam sejarah pembentukan BNM pada tahun 1959, *International bank of Reconstruction and Development* (IBRD) telah memainkan peranan utama dalam pendanaan dan pembentukan polisi asas institusi kewangan utama negara ini.[2]

Penelitian mendalam terhadap institusi-institusi kewangan antarabangsa dalam hubungan dan pengaruhnya terhadap penubuhan bank negara mendapati terdapat sebuah peristiwa penting, iaitu persidangan *Bretton Woods* pada tahun 1944. Hasil daripada persidangan ini, sistem kewangan negara-negara di seluruh dunia dikawal oleh IBRD (yang kemudiannya menjadi *World Bank*), IMF dan Bretton Woods Institutions (BWIs) serta memperkukuhkan idea bahawa setiap negara perlu ada bank pusat. Terdapat juga petunjuk campur tangan *secret society* dalam menentukan format kewangan dunia yang baharu ini.

Penyingkapan sejarah penubuhan BNM telah memperlihatkan persaingan antara pihak *Anglophile*[3] yang mahu mengaplikasikan sistem kewangan antarabangsa, dan pihak Nasionalis yang mahukan polisi dan dasar ekonomi yang bebas dari ancaman neo-kolonialisme (penjajahan bentuk baru).

---

2 (Butanaziba 1998, 95)

3 Mereka yang kebanyakannya dididik dengan sistem pendidikan barat dan kemudiannya mengadaptasi pemikiran dan kehidupan berkiblatkan barat.

Komitmen dan keterikatan BNM dengan institusi kewangan antarabangsa, daripada awal penubuhannya sehingga ke hari ini menjadi petunjuk kelompongan negara dalam menentukan dasar dan polisi institusi ini. Walaupun terdapat beberapa ruang oleh kerajaan yang memerintah untuk mengawal dan memastikan Bank Negara bergerak atas kepentingan nasional, keterikatan institusi ini dengan dasar yang ditentukan di peringkat antarabangsa tidak boleh dinafikan.

Kalau dilihat pada Akta Bank Pusat Malaysia 1958, objektif BNM yang telah digariskan adalah;[4]

- Mengeluarkan mata wang dan menyimpan rizab bagi menjaga nilai mata wang tersebut.
- Mempengaruhi kedudukan kredit bagi kepentingan negara.
- Menggalakkan kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang baik.
- Bertindak sebagai jurubank dan penasihat kewangan kepada kerajaan.

Usaha untuk mencapai objektif yang digariskan di atas menjadikan institusi ini perlu berperanan dalam meningkatkan kadar guna tenaga, menstabilkan harga, pembasmian kemiskinan, kedudukan imbangan pembayaran munasabah serta penstrukturan semula masyarakat.[5]

Jika dilihat sejarah penubuhan BNM pada tahun 1959, ia

4 (Abdul Ghani, 2010, 79)

5 (Abdul Ghani, 2010, 79)

merupakan fasa-fasa awal selepas negara kita merdeka daripada penjajahan British. Hal ini menjadikan institusi ini sangat penting kepada perjalanan negara selepas kemerdekaan, khususnya dalam menentukan polisi monetari, fiskal dan ekonomi. Walaupun begitu, penubuhan BNM perlu menunggu sehingga lapan tahun sebelum berfungsi sebagai bank pusat secara penuh ketika mana *Currency Board System* diberikan hak monopoli ke atas matawang negara.[6] Adakah tempoh lapan tahun ini merupakan persediaan agar Bank Negara mengadaptasi secara baik dasar dan polisi yang dimahukan oleh penjajah British dan institusi kewangan antarabangsa?

Hari ini, struktur Kementerian Kewangan Malaysia memperlihatkan peranan BNM sebagai salah satu agensi di bawahnya selain daripada KWSP, KWAP dan Bursa Malaysia. Benarkah Kementerian Kewangan memiliki kuasa sepenuhnya dalam menentukan dasar, polisi dan tindakan oleh BNM?

Jika benar BNM dikuasai oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan, bagaimanakah komitmen dan keterikatan BNM kepada institusi kewangan antarabangsa seperti IMF? Jika berlaku percanggahan antara polisi kewangan antarabangsa dan kepentingan nasional, di pihak manakah yang menjadi pilihan BNM?

6 (Abdul Khalil, 93)

# Idea Penubuhan Bank Negara Sebagai Institusi Kawalan Kewangan Dunia Oleh Elit Global Yahudi

Pembentukan bank negara moden dengan mengambil model perbankan Eropah di serata dunia merupakan sebuah fenomena baharu di awal kurun ke-20. Bank negara pertama yang diwujudkan dengan model tersebut adalah *Sveriges Riksbank* yang ditubuhkan pada tahun 1668.[7] Ia ditubuhkan sebagai sebuah bank yang mengurus saham, memberi pinjaman kepada kerajaan dan mengurus atur polisi perdagangan.  Seterusnya, bank-bank lain ditubuhkan mengikut format yang sama di Eropah. *Bank of England* yang akan diberikan tumpuan dalam penulisan ini pula ditubuhkan pada tahun 1694, turut bermula sebagai sebuah syarikat saham sebelum beralih kepada membeli hutang kerajaan.

Dalam konteks pembentukan BNM pada tahun 1959, terdapat sekurang-kurangnya tiga institusi kewangan antarabangsa yang terlibat dalam fasa awal penubuhannya. Malah, penglibatan entiti bank ini boleh dikesan sekurang-kurangnya 20 tahun sebelum pembentukan BNM itu sendiri. Bank yang dimaksudkan adalah *Bank of England, International bank of Reconstruction and Development* (IBRD) dan *Bank of International Settlement (BIS)*. Setiap bank ini memainkan peranannya yang tersendiri.

7 (Bordo 2007)

*Bank of England* merupakan sebuah bank pusat yang ditubuhkan pada tahun 1694. Terdapat sebuah kajian yang dibuat oleh J.A Giuseppi mendedahkan bahawa sejak awal penubuhannya, melalui rekod pemilikan dari tahun 1694 sehingga 1797, majoriti dari 107 orang pemilik *Bank of England* merupakan Yahudi Sephardi.[8] Pada tahun 1825-26, Bank N.M Rothchild & Sons telah menjadi institusi kewangan yang kuat di London. Institusi ini pernah direkodkan memberi dana yang besar kepada *Bank of England* ketika institusi itu berada dalam krisis aset. Selain memberi aset kewangan, Keluarga Rothchild juga pernah dilantik sebagai pengarah kepada *Bank of England* melalui pelantikan Alfred De Rothchild yang memegang jawatan itu selama 20 tahun daripada 1842 sehingga 1918.[9]

Paten pemilikan bangsa Yahudi dari pelbagai asal-usul terhadap bank ini kekal meningkat sehingga kurun ke-19.[10] *Bank of England* juga memainkan peranan yang signifikan dan strategik kepada orde kewangan dunia pada masa ini apabila menjadi entiti utama yang mencadangkan perubahan kepada nilai mata wang antarabangsa dalam *Bretton Woods* serta mengelola penubuhan bank negara di serata dunia.

Laporan 'The Economic Development of Malaya' yang dihasilkan IBRD pada tahun 1955 merupakan *blueprint*

8 (Giuseppi 2014)
9 (The Rothchild Archive)
10 (Giuseppi 2014)

kepada model pembentukan BNM. Daripada model *blueprint* ini, *Bank of England* menjadi entiti yang perlu diketengahkan apabila IBRD melantik wakil dari *Bank of England*, iaitu Sir G.M Watson untuk memantau dan menasihati penubuhan BNM itu sendiri.[11] Melalui jawatankuasa bersama Sir Sydney Caine yang merupakan pengarah kepada London School of Economics (LSE), sebuah laporan Watson-Caine dihasilkan yang melihat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan *Settlement Government* tidak bersedia untuk memiliki bank negara sendiri lalu menangguhkannya sehingga tahun 1956.

Naratif serta persoalan struktural dalam penubuhan BNM tidak mendapat perhatian yang sewajarnya oleh para pengkaji. Antara persoalan yang boleh diajukan melalui tindakan penubuhan BNM oleh IBRD dan *Bank of England* adalah; Apakah titik tolak dua entiti utama ini menubuhkan BNM di Malaysia? Bagaimana penubuhan bank-bank negara di serata dunia boleh membawa kepada memenuhi objektif *International Liberal Orde* yang dinobatkan sebagai orde dunia baru pada ketika itu?

Persidangan *Bretton Woods* yang dibuat pada tahun 1944 di New Hemsphire, Amerika Syarikat menjadi satu kunci penting dalam memahami perkaitan antara semua persoalan ini. Pembentukan BNM sendiri sangat berkait rapat dengan sistem *Bretton Woods*, di mana fungsi dan objektif penubuhan BNM telah digariskan

11 (Federal Secretariat 1957)

melalui Akta Bretton Wood 1945. Akta ini memberi mandat dan kuasa perundangan secara rasmi kepada BNM untuk beroperasi sebagai *banker* kepada kerajaan selain melakukan usaha mengawal selia polisi monetari negara.

Secara ringkasnya, persidangan *Bretton Woods* merupakan sebuah persidangan di mana negara-negara dunia bersetuju terhadap sebuah sistem yang mengawal nilai mata wang antarabangsa melalui tiga institusi utama, iaitu *International Bank of Reconstruction and Development* (IBRD) yang kemudian menjadi *World Bank*, *International Monetary Fund* (IMF) dan *Bretton Woods Institutions* (BWIs). Persidangan ini juga bersepakat bagi sebuah kawalan kadar tukaran nilai matawang antara negara dalam transaksi di peringkat antarabangsa. Kesan kadar tukaran nilai ini juga secara tidak langsung akan mengesani nilai mata wang dan polisi fiskal dalam negara.

Terdapat beberapa orang individu yang memainkan peranan yang sangat besar kepada cadangan-cadangan baru sistem *Bretton Woods* iaitu John Maynard Keynes dan Harry Dexter White. Keynes merupakan seorang ahli ekonomi British yang dinobatkan sebagai ahli ekonomi tersohor bagi kurun ke-20. Ketika Keynes mencadangkan sistem nilai mata wang antarabangsa yang baru di persidangan *Bretton Woods*, Keynes juga pada ketika itu merupakan pengarah kepada *Bank of England* (1941-1946). *Blueprint* dan idea baru yang dibawa oleh Keynes bukan sahaja

mengubah sistem mata wang pada ketika itu, tetapi termasuklah hala tuju Bank of England itu sendiri. Harry Dexter White pula merupakan pegawai khas kepada the Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat.

Idea baharu kepada sistem mata wang dunia pada ketika itu bukanlah bermula daripada Keynes sendiri, tetapi daripada hasil buah fikir sebuah kumpulan *secret society* yang digelar sebagai 'The Cambridge Apostle'.[12] Keynes merupakan sebahagian daripada kumpulan ini melalui sel yang lebih kecil iaitu 'The Cambridge Circus'. Sel ini merupakan unit khas bagi membincangkan idea-idea  format ekonomi dunia pada ketika itu.[13]

Selain itu, persidangan *Bretton Woods* juga turut mengetengahkan keperluan mewujudkan  sebuah bank pusat yang mengelola keseluruhan bank pusat yang ada di setiap negara. Objektif penubuhan 'bank pusat kepada segala bank pusat' ini atau turut juga digelar sebagai *supernational central bank* adalah bagi menjamin kestabilan nilai emas yang menjadi mata wang bagi bank ini, mengikut standard prinsip perdagangan antarabangsa

12 (King's College 2011)

13 Kumpulan ini menjadikan universiti sebagai platform merekrut golongan bijak pandai serta mengembangkan idea-idea baharu bagi tujuan merubah orde dunia pada ketika itu. Jaringannya bukan sahaja di universiti Cambrige tetapi turut berada di Kings College dan Trinity College. Format secret society di universiti ini juga muncul di beberapa buah negara lain seperti kumpulan Skulls & Bones di Yale University dan Episkopon di Toronto Trinity College, Kanada.

bagi mengelakkan berlakunya inflasi atau deflasi terhadap keuntungan antarabangsa. Bank ini tidak mempunyai dana permulaan tetapi liabilitinya akan dijamin oleh bank-bank negara lain yang berada dalam keahliannya.[14] Dalam konteks ini, *Bank of International Settlement* (BIS) yang sehingga kini menjadi rujukan 63 buah bank negara dilihat memenuhi fungsi *supernational central bank* ini.

Dalam persidangan ini juga, setiap negara perlu bersetuju untuk tidak menggunakan emas dalam transaksi utama dan tidak menjadikan emas sebagai hanya satu-satunya rizab bagi bank pusat. Hal ini membawa kepada bank pusat perlu mempelbagaikan rizab negara kepada barangan lain. Kesemua bank negara juga perlu membenarkan supaya institusi *supernational central bank* ini memiliki separuh daripada *legal reserve* bank pusat yang mana akan diletakkan sebagai rizab bagi *Bank of International Settlement.*[15]

Bagi menggantikan emas dalam transaksi utama perdagangan, sebuah persetujuan juga turut dibuat untuk menyandarkan nilai mata wang antarabangsa terhadap mata wang dolar atas alasan Amerika Syarikat pada ketika itu mengawal hampir dua per tiga emas di seluruh dunia. Daripada sini jugalah bermulanya mata wang negara-negara ditambat kepada nilai turun naik mata wang

14 (A.G. Chandavarkar 2016)

15 (A.G. Chandavarkar 2016)


dolar Amerika.

Harray Dexter White pula mencadangkan supaya diwujudkan institusi-institusi antarabangsa yang akan mengelola, memberikan bantuan kewangan kepada negara-negara yang mengalami masalah defisit kewangan supaya boleh terlibat secara baik dalam sistem ekonomi dunia baru yang akan sedang dirangka. Di akhir persidangan ini, negara-negara bersepakat untuk mewujudkan tiga institusi utama sistem *Bretton Woods* iaitu *International Bank of Reconstruction and Development* (IBRD) yang kemudian menjadi *World Bank*, *International Monetary Fund* (IMF) dan *Bretton Woods Institutions (*BWIs)

*Bretton Woods* juga telah meletakkan model baharu kepada bank pusat yang menggabungkan beberapa format bank di Eropah. Cadangan Keynes dan White telah diambil kira secara bersama untuk dilaksanakan oleh *Bank of England*, diikuti oleh *Federal reserve, Bank of France*, bank negara di Eropah kemudian bank-bank negara lain yang terlibat dengan sistem *Bretton Woods.*[16]

16 (A.G. Chandavarkar 2016)

# Usaha Lobi Penubuhan Model Bank Negara Malaysia Mengikut Blueprint Neo-colonialism Antarabangsa




*Laporan misi Bank Dunia yang dikeluarkan pada tahun 1955 berjudul "The Economic Developement of Malaya" mencadangkan satu model pembangunan Tanah Melayu sebelum kemerdekaan*[17]

17 (International Bank for Reconstruction and Development, 1)

## Lobi Pihak Antarabangsa

Perjanjian *Bretton Woods* yang ditandatangani pada tahun 1944 telah menghasilkan sistem kewangan global yang baru menggantikan "gold standard" kepada US dollar sebagai matawang global. Melalui perjanjian tersebut *World Bank* (IBRD) dan IMF telah ditubuhkan untuk mengawal selia perubahan struktur kewangan dunia yang berlaku[18].

Salah satu strategi bagi menjayakan usaha tersebut adalah melalui penubuhan sebuah bank pusat di negara-negara yang terlibat dengan perjanjian tersebut. Gagasan penubuhan sebuah bank pusat bagi Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura telah dicadangkan oleh misi Bank Dunia dan IMF. Pada tahun 1948, melalui struktur lama *Currency Board Commission* di bawah pentadbiran kolonial British, cawangan IDBR (World Bank) dan IMF telah ditubuhkan di Tanah Melayu[19].

Objektif jangka pendek IBRD dan IMF adalah untuk menggantikan sistem matawang *bilateral* (Tanah Melayu dan British) kepada sistem matawang antarabangsa *multilateral*. Salah satu syarat yang diletakkan oleh institusi *multilateral*, untuk menjadi anggota Bank Dunia dan IMF adalah melalui penubuhan "Central Bank". Ekoran daripada itu, bank dunia telah melantik beberapa orang penasihat untuk menghasilkan sebuah

18 (Amadeo 2020)

19 (Butanaziba 1998)

Laporan Pembangunan Ekonomi Malaya pada tahun 1955 dan mencadangkan penubuhan sebuah Bank Pusat.

G.M Watson, Ketua Jabatan Luar Negeri *Bank Of England*, dan Sir Sydney Caine, anggota *Fabian Society* yang pernah menjadi Pengarah *London School of Economics*, dan Naib Canselor Universiti Malaya telah dilantik untuk menghasilkan sebuah kajian terperinci dan teknikal bagi mewujudkan sebuah bank pusat di Tanah Melayu dan Singapura[20]. Walaupun begitu, hasil laporan tersebut menunjukkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu masih lagi belum bersedia untuk mewujudkan sebuah sistem kewangan berpusat melalui penubuhan bank pusat. Rancangan itu ditangguhkan sehingga tahun 1956.

IBRD membantah rancangan untuk menyatukan *Central Bank Pan Malayan* di antara Singapura dan Tanah Melayu dan mencadangkan agar Bank Negara diasingkan. Pada tahun 1957 Bank Negara Singapura ditubuhkan, manakala Bank Negara Malaya ditubuhkan pada tahun 1958.

Syarat-syarat perjanjian boleh dibaca seperti berikut:

> *"The terms and conditions upon which Malaya was admitted "in the Bank" and "in the Fund" required the Federation Government to "interpret" and enforce the Bretton Woods*

20 (Lock 1987, 178)

> *Ordinance mainly in reference to the "Bank", "Articles", "Dollars" and "Subscription"*

Dengan penubuhan ini, Malaya secara rasminya menjadi ahli kepada Bank Dunia dan juga IMF. Kemudiannya, Malaya dikehendaki untuk menghantar cadangan kepada nilai matawang baru yang ditentukan oleh IMF dan *World Bank* yang kemudiannya dikenali sebagai *Malayan Dollar.*

> *"The Malayan Dollar is a legal tender in both of the Federation (of Malaya) and Singapore, North Borneo and Sarawak and the States of Brunei… is issued freely and exclusively in exchange for sterling… the rate of exchange is two shillings and four pence-equivalent to 3 Malayan dollars, per one Us Dollar"*

**Lobi swasta melalui proksi tempatan**

Usaha lobi bagi penubuhan Bank Negara tidak hanya berlaku melalui wakil dari institusi *multilateral*, tetapi juga oleh pelabur-pelabur elit global. Hal ini boleh diperhatikan melalui satu dialog antara John D. Rockefeller III dan Tun Dr Ismail (Gabenor tempatan pertama Bank Negara selepas W.H Wilcock) pada 1 Mei 1958 yang dicatatkan di dalam buku *"Malaya's First Year at the United Nations: As Reflected in Dr Ismail's Reports Home to Tunku Abdul Rahman"*[21].

21 (Beng 2008, 65)

Rockefeller pada ketika itu baru sahaja pulang dari Tanah Melayu atas lawatan kerja dan menghadiri parti yang dihadiri oleh Perdana Menteri pada ketika itu, lantas menghubungi Tun Ismail menggesa agar Bank Negara segera ditubuhkan sebagai prasyarat kepada aliran masuk modal daripada kapitalis Amerika Syarikat ke Malaya pada ketika itu dan juga dana bantuan pembangunan Amerika Syarikat.[22] Sebelum itu, pada 24 dan 25 April 1958, Tun Dr. Ismail berada di New York dan berbincang bersama salah seorang pegawai Rockefeller iaitu Jacobson dari Bank Chase Manhattan berkenaan usaha penubuhan Bank Pusat.

Tun Dr Ismail telah menulis surat kepada Tun Razak mendesak agar kerajaan mempercepatkan penubuhan bank pusat, kerana ianya adalah salah satu lambang "kemerdekaan" dan menarik keyakinan pelabur asing. Lobi Tun Dr Ismail membuahkan hasil apabila Tun Razak berjumpa dengan Oscar A.Spencer untuk mempercepatkan penubuhan bank pusat, dan H.S Lee menyiapkan kertas kerja mengenai hal tersebut untuk dibentangkan di kabinet.

Hasil mesyuarat kabinet ini dimaklumkan Tun Razak kepada Tun Dr. Ismail melalui kiriman surat iaitu:

> *I thank you very much for your note and advice on the question of the establishment of a Central Bank. On receipt of your letter I immediately talked to Spencer and got H.S Lee to put up a paper to the Cabinet. You will by now have seen the Cabinet paper on the subject and the cabinet has now firmly decided that a Central Bank*

22 (Mustaffa 2013, 154)

*should be established by the 1st January 1959– the date you suggested in your letter. You will appreciate for reasons as stated in the cabinet paper that it is not possible to go all the way with the establishment of this Bank for a start. Anyway, we shall have a Central Bank if God wills it by 1st January, and then we shall endeavour to ask the Currency Commission to consider the issue of new notes, with designs compatible with our status as an independent nation. In fact, I have just issued a press statement on the subject. I have not yet gone into the question of the Governor of the Bank but will discuss the matter with H.S. Lee when he comes back from Tokyo.*

Akhirnya, Parlimen Tanah Melayu telah meluluskan Ordinan Bank Negara Persekutuan Tanah Melayu pada 23 Oktober 1958. Secara rasminya, bank pusat Tanah Melayu yang dikenali sebagai Bank Negara Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan pada 26 Januari 1959.

**Respon Kumpulan Nasionalis Terhadap Idea Bank Negara**

Hasrat penubuhan ‘central bank’ ini ditentang keras oleh kelompok Nasionalis Islamis, terutamanya Dr. Burhanuddin al-Helmy yang tegas menentang sebarang dasar yang bercirikan kapitalisme.

Melalui sidang Pusat Perekonomian Melayu Se Melaya (PEPERMAS) yang diadakan pada tahun 1947 di kalangan bijak

pandai Melayu, dan ahli perniagaan Melayu, antara resolusi penting adalah penubuhan sebuah Bank Melayu. Penubuhan Bank Melayu ini adalah ancaman besar kepada penjajahan British pada ketika itu, kerana Dr Burhanuddin ingin menubuhkan sebuah Bank Pusat melalui penanaman modal awal di luar kerangka Institusi *multilateral.*[23]

Dr Burhanuddin selaku seorang wakil rakyat turut menyuarakan pandangannya di dalam dewan parlimen tentang soal ekonomi. Dalam perbahasannya di dewan parlimen pada tahun 1961, beliau mendesak kerajaan Perikatan supaya menapis penanaman modal luar agar ia tidak memberi kesan yang buruk kepada rakyat tempatan. Penanaman modal luar yang berlebihan akan menyebabkan ekonomi dikuasai oleh orang luar kerana orang tempatan bukan sahaja tidak mempunyai modal tetapi juga tidak mempunyai kemahiran teknikal. Ini akan menyebabkan orang tempatan tidak mempunyai faedah daripada penanaman modal luar itu, kecuali mendapat pekerjaan dengan gaji yang kecil. Sekaligus ini menyebabkan penjajahan ekonomi akan terus berlaku[24].

## Bank Negara Malaysia Bebas dari Kuasa Negara?

Susur-galur penubuhan bank-bank negara di seluruh dunia dan kewujudan institusi kawalan kewangan antarabangsa, yang bertitik-tolak dari persidangan *Bretton Woods* pada tahun 1944

23 (White 2004)

24 (Adam 2003)

memberikan satu petunjuk mengenai kedudukan bank-bank pusat, termasuklah BNM. Persoalan penting pada bahagian ini adalah tentang pemilikan terhadap penentuan polisi dan BNM.

Institusi antarabangsa yang memiliki peranan dominan dalam mengawal operasi bank-bank negara di seluruh dunia ialah *World Bank, Bank of International Settlement* (BIS) dan *International Monetary Fund* (IMF). Bank Negara Malaysia tidak terkecuali dipengaruhi oleh dasar dan polisi yang dikuatkuasakan oleh institusi-institusi antarabangsa ini. Keterikatan dengan badan-badan antarabangsa ini menimbulkan satu persoalan. Sejauh mana Bank Negara Malaysia memiliki kebebasan dalam melaksanakan polisi menguntungkan negara tanpa dihalang oleh kuasa luar?

Dalam sejarah awal penubuhannya, terdapat peranan secara tidak langsung *Bank of England* dalam memberi dana kewangan kepada institusi kewangan yang baru ditubuhkan, termasuklah BNM.[25] Selain itu, kadar faedah Bank Negara pada fasa awal terkait dengan kadar yang dibuat oleh Bank British, disebabkan oleh hubungan rapat dalam kewangan dan perniagaan serta pergerakan dana secara bebas antara Malaysia dan negara-negara yang menggunakan matawang Sterling.[26]

25 (Abdul Khalil, 91)
26 (Abdul Khalil, 98)

*International Bank for Reconstruction and Development* (IBRD) pula telah terlibat secara langsung dalam hal ehwal pentadbiran dan rancangan pembangunan kerajaan Tanah Melayu 1950-1960.[27] Salah satu daripada langkah pembangunan di bawah rancangan ini ialah penubuhan Bank Negara. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sendiri telah melantik IBRD sebagai 'pihak berkuasa antarabangsa' dalam pembuatan polisi dan pembahagian dana bagi pentadbiran dan hal ehwal ekonomi Tanah Melayu.[28]

Selain itu juga, hubungan rapat antara IMF dan IBRD dengan pentadbiran kewangan negara boleh dilihat apabila mereka telah membuka ibu pejabatnya di Singapura pada tahun 1947 dan cawangannya di Kuala Lumpur pada tahun 1949. Peranan IBRD secara langsung dengan kerjasama Pejabat Kolonial British dalam pembentukan Bank Negara adalah melalui penstrukturan perlembagaan, hala tuju, keahlian dan fungsi Bank Negara untuk Tanah Melayu dan Singapura. *Bank of England* cuba untuk melobi pejabat Kolonial British untuk melantik calon Gabenor Bank Negara daripada *Bank of England* sendiri pada masa tersebut, walaupun akhirnya cadangan tersebut ditolak oleh IBRD.[29]

Hubungan Bank Negara dengan *International Monetary Fund* (IMF) terlihat jelas dalam bentuk komitmen bayaran yang perlu dilunaskan sebagai syarat keahlian. Laporan tahunan BNM pada

27 (Butanaziba, 95)
28 (Butanaziba, 95)
29 (Butanaziba 99)

tahun 2017 menyatakan bahawa institusi tersebut perlu membayar RM 18.05 bilion pada tersebut, manakala pada tahun 2018, BNM perlu membayar RM 17.3 bilion.[30] Ruang lingkup pengaruh IMF terhadap bank-bank pusat termasuklah BNM berlaku dalam bentuk pengawasan pelbagai hala.[31] Antara syarat keahlian umum IMF yang mengesani peranan BNM adalah pematuhan kepada polisi pertukaran asing dan transperansi kepada transaksi antarabangsa.

*Bank for International Settlements* (BIS), sebuah bank antarabangsa yang bertanggungjawab membina strategi kewangan untuk Bank-bank Pusat juga memiliki hubungan langsung dengan BNM. Secara umumnya, fungsi BIS adalah untuk membantu Bank-bank pusat mencapai kestabilan kewangan, meningkatkan kerjasama di peringkat antarbangsa dan menjadi bank pusat kepada bank-bank pusat sedunia.[32] Pelaburan BNM dalam BIS juga menuntut komitmen kewangan seperti mana IMF. Pada tahun 2017, BNM perlu membayar RM 70 juta dan RM 68 juta (tahun 2018) kepada BIS.

30 (Bank Negara Malaysia, 148)

31 (International Monetary Fund, 6)

32 (Hughes and Palke, 19)

## Bentuk Hubungan Dan Komitmen Bank Negara Dengan Kerajaan

BNM memiliki status sebagai satu institusi yang bebas di dalam kerajaan, tetapi bukan sebahagian daripada kerajaan.[33] BNM memiliki status ini kerana di dalam operasinya, terdapat kerjasama untuk penyelarasan dasar bagi mencapai kestabilan harga dan pertumbuhan optimum fiskal dengan institusi kerajaan seperti Kementerian Kewangan. Faktor lain yang menjadikan BNM memiliki status ini adalah kerana jawatan eksekutif tertinggi di dalam strukturnya, iaitu Gabenor tidak dilantik daripada kalangan ahli politik, tetapi dari golongan profesional yang perlu mematuhi beberapa syarat tertentu.[34]

BNM secara rasminya memegang hak sebagai jurubank dan penasihat kewangan kepada kerajaan Malaysia berdasarkan kepada Akta Bank Negara Malaysia 2009. Selain itu, mereka juga berfungsi menyimpan rizab antarabangsa selain perlu bertanggungjawab mengendalikan dasar dan sistem kewangan negara.[35] Secara mudahnya, boleh difahami bahawa hak untuk menyimpan rizab antarabangsa pemilikan rizab ini berada di bawah institusi ini berbanding kerajaan yang memerintah.

Pada sejarah awal penubuhan BNM, institusi ini turut berperanan menjaga urusan kewangan untuk badan-badan yang memiliki sumber kewangan negara yang strategik, iaitu Majlis Amanah Rakyat Bumiputera Malaysia (MARA) dan Tabung Haji.[36]

33 (Abdul Ghani, 76)
34 (Abdul Ghani, 77)
35 (Abdul Ghani, 80)
36 (Abdul Khalil, 17)

Sehingga ke hari ini, mereka terlibat dalam menguruskan dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan dana deposit kerajaan yang disimpan di dalam Akaun Operasi Pasaran Wang Akauntan Negara. [37]

Hubungan BNM dengan Yang Dipertuan Agong (YDPA) sebagai Ketua Negara adalah dengan mandat kepada YDPA untuk melantik semua ahli lembaga pengarah Bank Negara, kecuali jawatan Timbalan Gabenor.[38] Manakala jawatan Timbalan Gabenor Bank Negara hanya akan diluluskan oleh Menteri Kewangan Malaysia. Ini dapat dilihat dalam lantikan Encik Marzunisham Omar sebagai Timbalan Gabenor berkuatkuasa 15 Jun 2020.[39]

Berdasarkan kepada akta-akta, polisi serta amalan yang berlaku antara BNM dan Kerajaan Malaysia bolehlah disimpulkan bahawa Kerajaan Malaysia memiliki sebahagian pegangan dalam menentukan kedudukan eksekutif seperti Timbalan Gabenor, tetapi ada beberapa ruang lingkup yang memberi kebebasan kepada BNM untuk bertindak tanpa kawalan kerajaan.

Terdapat beberapa petunjuk yang menunjukkan BNM memiliki sebahagian kebebasan dalam melaksanakan polisinya tanpa terikat dengan pengaruh Kerajaan dan negara. Dasar monetari seperti kadar dasar semalaman (OPR) yang menentukan hala tuju dasar kewangan semasa boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari yang dipengerusikan oleh Gabenor Bank Negara tanpa perlu melalui disahkan oleh pihak lain.[40] Sebarang perubahan

37 (Abdul Ghani,99 )
38 (Abdul Ghani, 80)
39 (Bank Negara Malaysia)
40 (Abdul Ghani, 103)

pada OPR ini akan memberi kesan kepada kadar efektif pasaran dan kepada indeks pasaran saham di dalam negara.[41]

BNM juga terikat dengan protokol antarabangsa yang sudah tentunya bukan ditentukan oleh Kerajaan Malaysia. Ini dapat dilihat pada isu berkaitan transaksi mencurigakan yang melibatkan ahli keluarga kepada mantan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dan syarikat yang dimiliki oleh Jho Low pada tahun 2015. Isu ini telah memperlihatkan keterikatan BNM yang tidak dibenarkan untuk mengeluarkan kenyataan berkaitan transaksi ini kerana terikat dengan protokol antarabangsa berkaitan perkongsian maklumat perisikan kewangan.[42]

# Penutup

Bank pusat atau bank negara yang wujud pada hari ini adalah satu gagasan daripada pihak kapitalis Yahudi, *Bankers*, *Secret Society* dalam memastikan kewangan dan ekonomi setiap negara di dunia bergerak mengikut kerangka Orde baru dunia. Institusi kawalan kewangan antarabangsa yang bertitik tolak dari persidangan *Bretton Wood* pasca perang dunia ini bertindak sebagai pengawal selia agar bank-bank pusat yang ada di setiap negara bergerak mengikut kerangka kewangan yang mereka telah tetapkan berdasarkan kerangka Orde baru dunia.  Di Malaysia, persaingan dalam membina bank pusat pada fasa awal pasca kemerdekaan negara adalah dalam dua bentuk; iaitu berdasarkan kepentingan nasional atau berdasarkan kepentingan antarabangsa dalam kerangka Orde baru dunia. Persaingan ini telah berlaku

41 (Yakob et al. 2)

42 (Free Malaysia Today)

antara golongan *Anglophile* dan golongan Nasionalis yang menolak Neo-Kolonialisme untuk menubuhkan bank pusat bagi negara yang baru merdeka. Usaha lobi oleh pihak antarabangsa juga dapat dilihat oleh usaha Rockefeller ke atas Tun Ismail untuk segera membina bank pusat untuk negara. Hasil daripada Ordinan Bank Negara Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1958 dan keberjayaan lobi oleh pihak antarabangsa, Bank Negara Tanah Melayu telah berjaya ditubuhkan dengan peranan utama institusi kewangan antarabangsa, IBRD dalam pendanaan dan pembuatan dasar dan polisi bagi institusi tersebut. Sehingga hari ini, Bank Negara Malaysia yang menjadi institusi utama dalam ekosistem kewangan dan matawang negara telah menjadi satu badan yang tidak sepenuhnya di bawah kawalan kuasa negara. Hal ini disebabkan oleh keterikatan kepada komitmen kewangan, struktur dan undang-undang kewangan antarabangsa yang mengawal polisi dan sebarang tindakan oleh Bank Negara Malaysia.

# Rujukan

Abdul Ghani, Mohd Rizal. 2010. “Peranan Bank Negara Malaysia dalam Melaksanakan Dasar Kewangan: Analisis dalam Persepktif Ekonomi Islam.”

Abdul Khalil, Ahmad Zekri. 1970. *Bank Negara Malaysia: The first decade*. N.p.: Universiti Malaya.

Adam, Ramlah. 2003. *Burhanuddin Al-Helmy : Suatu Kemelut Politik*. N.p.: Dewan Bahasa & Pustaka.

Amadeo, Kimberly. 2020. "Bretton Woods System and 1944 Agreement." The Balance. https://www.thebalance.com/bretton-woods-system-and-1944-agreement-3306133.

Bank Negara Malaysia. 2018. "Notes to The Financial Statements for The Year Ended 31 December 2018." https://www.bnm.gov.my/documents/20124/791626/cp07_03_notes.pdf.

Bank Negara Malaysia. 2020. "Pelantikan Timbalan Gabenor dan Penolong Gabenor Baharu Bank Negara Malaysia." *Bank Negara Malaysia*, Jun 12, 2020. https://bnmold.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_press&pg=bm_press&ac=5064&lang=bm.

Beng, Ooi K. 2008. *Malaya's First Year at the United Nations: As Reflected in Dr Ismail's Reports Home to Tunku Abdul Rahman*. N.p.: ISEAS–Yusof Ishak Institute.

Bordo, Michael. 2007. "A Brief History of Central Banks." Federal Reserve Bank of Cleveland. https://www.clevelandfed.org/.

Butanaziba, Yunus Lubega. 1998. "The making of administrative and economic development plans for Malaysia, 1945-1965 : the international hand." *Universiti Malaya*.

Chanda, A. G. 2016. "Keynes and Central Banking." *N.p Indian Economic Review* 20 (2).

Federal Secretariat. 1957. "Treasury/Try. (FS)0.3878: Appointment of a Banking Advisor."

Free Malaysia Today. 2021. "BNM knew of funds going into Zeti's

husband's account from Jho Low in Singapore, says report." *FMT*, Februari 27, 2021. https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/02/27/bnm-knew-of-funds-going-into-zetis-husbands-account-from-jho-low-in-singapore-says-report/.

Fukuyama, Francis. 2020. "The Thing That Determines a Country's Resistance to the Coronavirus." The Atlantic. https://www.theatlantic.com/ideas/archive/2020/03/thing-determines-how-well-countries-respond-coronavirus/609025/.

Hughes, Michael P., and Chris Palke. 2019. "The Bank For International Settlements: An Evolutionary Institution." *Journal of Business Case Studies* 15 (1): 19-28.

International Bank for Reconstruction and Development. 1955. *The Economic Development of Malaya*. Baltimore: The John Hopkins Press.

International Monetary Fund. 2010. *Articles of agreement of the International Monetary Fund*. Washington: United Nations Monetary and Financial Conference (1944 : Bretton Woods, N.H.).

Iris Institute. 2015. *Mukadimah Perjuangan Melayu*. N.p.: IRIS Publisher.

King's College. 2011. "A Cambridge Secret Revealed: The Apostle." King's College. https://www.kings.cam.ac.uk/archive-centre/online-resources/online-exhibitions/a-cambridge-secret-revealed-the-apostles.

Lock, Lee Hock. 1987. *Central Banking in Malaysia : A Study of the Development of the Financial System and Monetary Management*. Butterworth: n.p.

Mustaffa, Shahirah. 2013. “Tun Dr Ismail Dalam Politik Awal Malaysia, 1956-1973.” *Jurnal Sejarah* 21 (1).

White, Nicholas J. 2004. *British business in post-colonial Malaysia, 1957-70 : neo-colonialism or disengagement?* N.p.: RoutledgeCourzon.

Yakob, Noor Azuddin, Yap Y. Tzeng, and Carl B. McGowan Jr. 2014. “Overnight Policy Rate Changes and Stock Market Reactions – The Experience in Malaysia.” *Accounting and Finance Research* 3 (4): 1-11.


IRIS INSTITUTE

# ‘FAST-TRACKING’ POLITICS

## How Southeast Asian leaders capitalized China railway projects for legitimacy

***Author:*** *Syed Israa’*
***Genre:*** *Geopolitik*
***ISBN:*** *978-967-17845-0-1*
***Pages:*** *160*

NEW Product





**BOLEH DAPATKAN DI:**
www.iris.institute

IRIS INSTITUTE

# PENCHINAAN MALAYSIA:
## TERGADAIKAH TANAH KEDAULATAN BANGSA

***Penulis:*** *Asyraf Farique, Sakinah Faizal & Wafiq Azman*
***Genre:*** *Geopolitik*
***ISBN:*** *978-967-5473-39-5*
***Mukasurat:*** *344*




PEMENANG
ANUGERAH
BUKU NEGARA
National Book Award
2019

**BOLEH DAPATKAN DI:**
www.iris.institute

IRIS INSTITUTE

Untuk Sumbangan:

**562263539808** (Maybank)

Interdisciplinary Research And International Strategy




**Copyright © 2021, by Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute Berhad**
*Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam dokumen ini tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan bentuk dengan apa jua cara sekalipun sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute Berhad.*